

NO. SOALAN: 248

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan
keadaan harga barang di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa memantau perubahan harga barangan keperluan di seluruh negara. Bagi tujuan pemantauan, kementerian telah melantik 1,067 orang Pegawai Pemantau Harga untuk melaksanakan kutipan harga berjadual di setiap 222 kawasan parlimen. Pemantauan ini melibatkan 15,754 item barangan dan 31,147 premis pemantauan.

Melalui analisa data tersebut, trend menunjukkan terdapat peningkatan harga secara menyeluruh dari bulan September 2015 sehingga September 2016. Trend ini selari dengan perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP). IHP pada bulan Ogos 2016 mencatatkan pertumbuhan yang sederhana kepada 1.5% berbanding 1.1% pada bulan sebelumnya (Julai 2016). Jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya, IHP bulan Ogos 2016 meningkat sebanyak 1.5% berbanding Ogos 2015. Namun begitu, Bank Negara menjangka inflasi berada pada kadar sederhana iaitu 2-3% pada tahun 2016.

Tend harga juga menunjukkan peningkatan yang ketara bagi barang-barang import seperti bawang putih, bawang kecil merah ros, kacang tanah dan sebagainya mulai Jun 2016. Keadaan ini disebabkan kejatuhan mata wang Ringgit ketika itu.

Harga ikan tempatan seperti kembung dan selar dan harga sayur-sayuran seperti kobis dan cili merah pula dilihat mengalami kenaikan pada awal tahun sekitar Februari sehingga April 2016. Pengeluaran barang-barang ini terjejas disebabkan fenomena El Nino yang menagkibatkan cuaca panas yang melampau bermula penghujung

tahun 2015. Harga barangan tersebut mulai stabil selepas bulan Mei 2016.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi perubahan harga barang. Memandangkan Malaysia mengamalkan ekonomi bebas, harga barangan ditentukan oleh tawaran dan permintaan dan keadaan pasaran. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan pihak industri di dalam memastikan harga barangan tidak dinaikkan secara tidak munasabah oleh pihak-pihak yang suka mengambil kesempatan.